

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA

MESYUARAT AGUNG PENUBUHAN
KOPERASI PERSATUAN DARUL RIDZUAN
BERHAD BAGI TAHUN 2026

15 OGOS 2026 (SABTU)

9.45 PAGI

DEWAN DATO' MOHD ALI BAHARUM
ANGKASA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam
Malaysia MADANI dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam **Mesyuarat Agung Penubuhan Koperasi Persatuan Darul Ridzuan Berhad bagi tahun 2026.**
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada barisan pengasas, Anggota Lembaga Koperasi serta seluruh anggota yang telah mengambil langkah untuk menubuhkan koperasi ini. Saya melihat penubuhan koperasi sebagai satu ikhtiar untuk memperkukuh ekonomi anggota melalui semangat kebersamaan dan kerjasama.

Hadirin yang dihormati,

3. Kita perlu melihat koperasi dalam kerangka yang lebih besar. Koperasi bukan sekadar soal perniagaan, keuntungan atau pembahagian

manfaat. Koperasi membawa satu gagasan yang cukup besar yaitu bagaimana kekuatan orang perseorangan dihipunkan menjadi kekuatan bersama.

4. Seorang mungkin kecil. Tetapi apabila kita bersatu, menggabungkan modal, kepakaran, pengalaman dan jaringan, kekuatan itu menjadi jauh lebih besar. Inilah roh sebenar gerakan koperasi.
5. Dalam keadaan ekonomi yang sentiasa berubah, pendekatan seperti ini semakin penting. Kita berhadapan dengan pelbagai cabaran. Kos sara hidup, perubahan teknologi, persaingan pasaran, perubahan corak pekerjaan dan tuntutan pengguna yang semakin kompleks.
6. Maka kita tidak boleh lagi bergerak dengan cara yang sama seperti dahulu. Kita perlu berani melakukan pembaharuan, meningkatkan

kecekapan dan mencari ruang baharu untuk menjana nilai ekonomi. Dalam konteks inilah koperasi mempunyai peranan yang cukup besar.

Hadirin yang dihormati

7. Hakikatnya, kekuatan gerakan koperasi di Malaysia bukanlah kecil. Berdasarkan statistik sehingga **31 Disember 2025**, terdapat **16,468 koperasi** di seluruh negara dengan keanggotaan sekitar **7.3 juta orang**. Lebih penting, gerakan koperasi ini mempunyai aset berjumlah **RM186.75 bilion** dan mencatatkan perolehan sebanyak **RM81.62 bilion**.

8. Di sebalik angka tersebut ada jutaan anggota, keluarga, usahawan, pekerja dan komuniti yang bergantung kepada kegiatan ekonomi koperasi. Ini menunjukkan bahawa koperasi sudah menjadi sebahagian daripada struktur ekonomi negara dan mempunyai

potensi yang besar untuk terus diperkasakan.

9. Sebab itu saya melihat penubuhan Koperasi Persatuan Darul Ridzuan Berhad ini dalam konteks yang lebih luas. Kita bukan sekadar menubuhkan sebuah koperasi baharu. Kita sedang menambah satu lagi kekuatan kepada ekosistem ekonomi rakyat.
10. Bayangkan kalau 7.3 juta anggota koperasi di seluruh negara bukan sahaja menjadi anggota di atas kertas, tetapi benar-benar aktif sebagai pemilik, pengguna, pengusaha dan peserta dalam kegiatan ekonomi. Kita mempunyai satu kekuatan yang sangat besar. Persoalannya ialah bagaimana kekuatan tersebut kita urus dan kita gerakkan supaya manfaatnya kembali kepada anggota.

Hadirin yang dihormati

11. Dalam hal ini, kita juga harus memahami perbezaan antara **persatuan dengan koperasi**. Persatuan mempunyai peranan penting untuk menghimpunkan ahli berdasarkan kepentingan, matlamat atau bidang yang sama. Ia membina jaringan, memperjuangkan kepentingan dan mengukuhkan hubungan sesama anggota.
12. Koperasi pula mempunyai satu dimensi tambahan, iaitu **dimensi ekonomi**. Koperasi menyediakan satu struktur yang membolehkan anggota menggabungkan modal, menjalankan aktiviti perniagaan dan membina nilai ekonomi secara bersama. Maka, saya tidak melihat persatuan dan koperasi sebagai dua entiti yang bersaing. Sebaliknya, kedua-duanya boleh saling melengkapi.
13. Apabila Persatuan Darul Ridzuan mengambil keputusan untuk mengembangkan kekuatan anggota

kepada bidang perniagaan, maka penubuhan koperasi adalah satu langkah yang strategik.

14. Kita ada persatuan sebagai wadah untuk menghimpunkan kekuatan anggota. Kemudian kita ada koperasi sebagai **lengan ekonomi dan perniagaan** yang boleh menterjemahkan kekuatan tersebut kepada kegiatan yang memberi keberhasilan.
15. Dalam koperasi, anggota bukan sekadar pelanggan. Anggota ialah **pemilik**. Ini satu perkara yang sangat penting untuk kita fahami. Prinsip demokrasi koperasi melalui konsep **satu anggota, satu undi** memastikan setiap anggota mempunyai ruang untuk mengambil bahagian dalam menentukan arah tuju koperasi. Jadi koperasi membawa satu bentuk demokrasi ekonomi. Kita tidak hanya bercakap tentang siapa yang mempunyai modal paling banyak

tetapi bagaimana modal dan kekuatan yang ada boleh diurus secara bersama dengan penuh amanah.

Hadirin yang dihormati

16. Saya melihat penubuhan Koperasi Persatuan Darul Ridzuan Berhad bukan untuk mengambil alih peranan persatuan. Sebaliknya koperasi ini harus menjadi pelengkap kepada persatuan. Persatuan mempunyai jaringan, pengalaman dan kekuatan anggota. Koperasi pula mengambil kekuatan itu dan menggerakkannya dalam ruang ekonomi. Kalau kedua-duanya bergerak dengan visi yang sama, kita boleh membina satu ekosistem yang bukan sahaja kuat dari sudut organisasi, tetapi turut memberikan nilai ekonomi kepada anggota.
17. Saya melihat banyak ruang yang boleh diterokai oleh koperasi ini pada

masa hadapan. Tidak semestinya kita berhenti pada satu aktiviti perniagaan. Bidang perkhidmatan, pembekalan, perdagangan, makanan, pelancongan, pertanian, pendidikan dan pelbagai bidang lain boleh dipertimbangkan berdasarkan keperluan anggota serta potensi pasaran.

18. Tetapi saya ingin mengingatkan satu perkara. Kita tidak mahu mengejar banyaknya perniagaan. Kita mahu **perniagaan yang berkualiti, berdaya maju dan mampu bertahan**. Dalam soal perniagaan, kita mesti berani tetapi bukan terburu-buru. Setiap keputusan perlu berasaskan kajian. Kita perlu tahu pasaran kita, pelanggan kita, kos kita, modal yang diperlukan, kepakaran yang ada dan risiko yang bakal dihadapi.
19. Jangan kerana mahu kelihatan besar, kita mengambil risiko yang akhirnya membebankan koperasi dan

anggota. Lebih baik bermula dengan satu perniagaan yang kukuh, diurus dengan baik dan menghasilkan pulangan kemudian dikembangkan secara berperingkat.

Hadirin Yang Dihormati

20. Akhirnya, kita perlu bertanya: apakah ukuran sebenar kejayaan koperasi? Bukan sekadar berapa banyak aset kita. Bukan semata-mata berapa besar keuntungan kita. Bukan juga sekadar berapa ramai anggota kita.
21. Ukuran yang paling penting ialah **berapa banyak manfaat yang dapat kita berikan kepada anggota**. Adakah koperasi membantu meningkatkan pendapatan mereka? Adakah koperasi membantu mengurangkan kos? Adakah koperasi membuka peluang pekerjaan? Adakah koperasi memberi ruang kepada anggota membina perniagaan?

Kalau jawabannya ya, maka kita sedang berada di landasan yang betul.

22. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah menjayakan penubuhan Koperasi Persatuan Darul Ridzuan Berhad. Saya berharap mesyuarat agung ini bukan menjadi titik akhir kepada proses penubuhan, tetapi menjadi **titik mula kepada satu perjalanan yang jauh lebih besar.**

23. Kalau persatuan menyatukan kita atas satu matlamat, maka koperasi memberikan kita ruang untuk menterjemahkan kesatuan itu kepada kekuatan ekonomi.

24. Dengan lafaz
Bismillahirrahmanirrahim saya
dengan ini merasmikan **MESYUARAT
AGUNG PENUBUHAN KOPERASI
PERSATUAN DARUL RIDZUAN BERHAD
BAGI TAHUN 2026.**

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum
wabarakatuh.

warahmatullahi